



**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
BIL. 4 TAHUN 2003**

**STRUKTUR BARU ORGANISASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

Ketua-ketua Bahagian
Ketua-ketua Unit
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan Penyusunan Semula Struktur Organisasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui Waran Bil. E22 Tahun 2003 yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2003.

2. Secara amnya struktur baru organisasi KPLB telah memperkukuhkan beberapa Bahagian sediaada di KPLB dengan penambahan perjawatan serta menaikkan taraf beberapa jawatan penting di Bahagian / Unit disamping mewujudkan beberapa Bahagian baru. Di antara perubahan-perubahan tersebut ialah :

- 2.1 Pengwujudan 1 sektor baru iaitu Sektor Khidmat Pengurusan yang diketua oleh Setiausaha Bahagian Kanan, PTD Utama C. Sektor Sosial dinaik taraf yang diterajui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sosial, PTD Utama B (naik taraf). Manakala Sektor Ekonomi kekal diterajui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Ekonomi), PTD Utama C.
- 2.2 Sektor Sosial akan menerajui Bahagian-bahagian seperti Bahagian Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial (menggantikan Bahagian pemodenan Desa), Bahagian Pembasmian Kemiskinan di samping INFRA dan KEMAS.
- 2.3 Bahagian-bahagian di bawah Sektor Ekonomi pula ialah Bahagian Ekonomi Desa, Bahagian Wilayah dan Kawasan (baru) dan Bahagian Pelaburan dan Anak Syarikat (baru)
- 2.4 Bahagian-bahagian di bawah Sektor Khidmat Pengurusan pula ialah Bahagian Kewangan, Belanjawan dan Perolehan (naik taraf),

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran Am (tukar nama dan naik taraf), Bahagian Teknologi Maklumat dan Infodesa (naik taraf), Bahagian Pemantauan dan Inspektorat (diwujudkan secara rasmi) dan Unit Khidmat Teknikal (naik taraf).

- 2.5 Bahagian / Unit berikut diletak terus di bawah Ketua Setiausaha iaitu Bahagian Perancangan Strategik, Unit Perundangan dan Unit Audit Dalam (naik taraf)
3. Untuk makluman, pertambahan sebanyak 169 perjawatan di pelbagai peringkat telah diluluskan dibawah penstrukturan semula KPLB ini. Fungsi-fungsi bagi Bahagian dan Unit-unit di dalam Bahagian tersebut telah diteliti dan diperkemas serta disenaraikan di dalam Carta Fungsi / Organisasi KPLB (telah diedar semasa taklimat).
4. Senarai semua Bahagian / Unit di bawah struktur baru KPLB, taraf jawatan Ketua Bahagian / Unit, singkatan sebutan setiap Bahagian / Unit yang telah dipersetujui adalah seperti di Lampiran A. Carta Organisasi Ibu Pejabat KPLB yang baru adalah seperti di Lampiran B.
5. Disamping itu, selaras dengan pengwujudan struktur baru KPLB, pihak Pengurusan KPLB telah membuat penempatan semula bagi pegawai-pegawai PTD dari Gred M41 hingga M54 seperti di Lampiran C1 dan C2. Sebahagian besar penempatan pegawai-pegawai terlibat telah dilaksanakan dan sebahagian lagi sedang atau akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.
6. Pelaksanaan operasi struktur baru organisasi KPLB adalah mulai 1 Ogos 2003. Oleh itu, semua surat menyurat dari atau ke Bahagian / Unit berkenaan hendaklah menggunakan nama-nama tersebut di atas seperti di Lampiran A.
7. Semua bahagian/Unit adalah diminta meneliti carta organisasi/carta fungsi, senarai tugas pegawai/kakitangn, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja di Bahagian dan Unit masing-masing. Pindaan-pindaan tersebut hendaklah dibuat sewajarnya sebelum akhir tahun 2003.
8. Bagi Bahagian-bahagian yang telah berpecah (khususnya bagi Bahagian yang dulunya dikenali sebagai Bahagian Perancangan dan Penyelarasan dan Bahagian Pemodenan Desa) di bawah penstrukturan semula organisasi KPLB ini, adalah diminta membuat pembahagian fail-fail yang berkaitan, alat-alat pejabat, buku daftar inventori dan lain-lain tindakan yang berkaitan. Rekod yang kemas hendaklah disediakan.
9. Sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan dalam pelaksanaan tugas ini hendaklah dibawa ke Mesyuarat Mingguan Pengurusan KPLB untuk dibincangkan bersama.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, consisting of several fluid, connected strokes. The signature is positioned centrally below the motto and above the name.

(DATO' AZMAN BIN ABDUL RASHID)

Tarikh : 31 Julai 2003